

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

M A L A Y S I A

PENGGAL YANG KELIMA

ATORAN URUSAN MESHUARAT

Hari Selasa, 28hb. Januari, 1969 pukul 10.00 pagi

Bil. 31

271

PERTANYAAN2 BAGI JAWAB MULUT

- *1. Tuan Ahmad bin Arshad minta kepada Menteri Pertahanan menyatakan:-
- (a) memandang kepada pengundoran Tentera2 British dari Brunei pada tahun 1971, sama ada Kerajaan Brunei meminta kerjasama Malaysia dalam mempertahankan kawasan ini;
 - (b) sama ada pendedahan dasar pertahanan di-Brunei akan menjadi satu ancaman kepada keamanan dan keselamatan Malaysia, khas-nya Malaysia Timor.
- *2. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pelajaran:-
- (a) memandang kepada tuduhan2 bahawa Lembaga Peranchang Keluarga chuba mengurangkan ra'ayat bangsa Melayu terutama sa-kali di-kawasan2 luar bandar, apa-kah tindakan yang di-ambil oleh Lembaga itu bagi menghapuskan tuduhan2 itu;
 - (b) sama ada kemudahan2 yang di-sediakan oleh Persatuan Peranchang Keluarga di-berikan juga kepada penuntut2 wanita.
- *3. Dr. Tan Chee Khoo bertanya kepada Menteri Pelajaran di-antara guru2 yang telah di-beri izin berpolitik dalam tahun 1968 berapa bilangan yang telah di-beri izin di-bawah 7 (a) sahaja. Sila beri angka2 berasing2an bagi tiap2 parti siasah.
- *4. Dr. Tan Chee Khoo bertanya kepada Menteri Pelajaran di-antara guru2 yang telah di-beri izin berpolitik dalam tahun 1968 berapa orang yang telah di-beri izin di-bawah 7 (a), (b), (c), (d) dan (e). Sila beri angka2 berasing2an bagi tiap2 parti.

PADA PERMULAAN URUSAN MESHUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG2 KERAJAAN

1. Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar:
 - + The Majlis Amanah Ra'ayat (Amendment) Bill.

2. Menteri Pengangkutan:
 - + The Sabah Port Authority (Consequential Provisions) (Amendment) Bill.

3. Menteri Perdagangan dan Perusahaan:
 - + The Companies (Amendment) Bill.

+ Menandakan bahawa Rang Undang2 ini akan di-bawa ka-semua peringkat di-Meshuarat ini.

ATORAN URUSAN MESHUARAT

(DR. 15/69) Rang Undang2 Perbekalan, 1969 -
 Jawatan-kuasa Perbekalan
 (Hari Yang Kelapan).

/sz.